

**NO. SOALAN : 243**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah hutang tanam semula peneroka FELDA hingga kini dan sejak bila dan apakah cadangan Kerajaan untuk mengurangkan hutang tersebut kepada peneroka.**

108

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang tanam semula peneroka FELDA sehingga akhir 2017 adalah sebanyak RM4,020.67 juta. Baki hutang ini terdiri daripada hutang peneroka yang menanam semula dengan FELDA, FELDA Technoplant Sdn. Bhd. serta hutang peneroka yang telah mengambil alih ladang untuk membuat tanam semula sendiri. Hutang ini terkumpul sejak FELDA memulakan program pembangunan tanam semula di tanah rancangan setelah pokok secara puratanya berusia 25 tahun iaitu mulai tahun 1985.

Selain hutang tanam semula ini, peneroka FELDA juga mempunyai hutang pembangunan asal (sebelum tanam semula dilaksanakan) yang berjumlah RM3,220.75 juta. Hutang ini telah berjaya dibayar oleh peneroka dan mempunyai baki sebanyak RM58.01 juta.

Cadangan Kerajaan untuk mengurangkan hutang tersebut adalah melalui beberapa insentif bertujuan untuk mengurangkan bebanan hutang yang ditanggung oleh peneroka. Antaranya ialah Insentif Pelupusan Hutang Tanam Semula RM5,000 sepeneroka, Dana Khas Pelupusan Lebihan Hutang Tanam Semula dan Geran Khas Tanam Semula Peneroka (melalui MPOB) mulai tahun 2017 hingga 2020.

Sekian. Terima kasih.